

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN GOBIND SINGH DEO
[PUCHONG]**

**TARIKH JAWAPAN : 10 JUN 2014 (SELASA)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan kenapa berlaku krisis air di negeri Selangor dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengelakkannya daripada berlaku lagi di masa hadapan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Krisis air yang berlaku di Selangor pada awal tahun ini adalah berpunca daripada kekurangan sumber air mentah yang merupakan tanggung jawab Kerajaan Negeri Selangor. Berikutan cuaca panas dan kering yang dialami pada awal tahun ini, paras air di empangan-empangan dan sungai-sungai di negeri Selangor telah terjejas dan mengakibatkan beberapa loji rawatan air terpaksa mengurangkan pengeluaran air terawat kerana ketidakcukupan air mentah untuk dirawat. Kesannya, bekalan air kepada pengguna terjejas dan catuan air terpaksa dilaksanakan.

Tuan Yang Dipertua,

2. Kerajaan Persekutuan sejak beberapa tahun lepas telah berulang kali memberi peringatan kepada Kerajaan Negeri Selangor terhadap kemungkinan berlakunya krisis bekalan air di negeri Selangor pada tahun 2014 akibat ketidakcukupan bekalan air bagi menampung permintaan yang semakin meningkat dari tahun ke tahun. Atas dasar inilah, Kerajaan Persekutuan melalui

Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) sedang melaksanakan projek pembinaan Loji Rawatan Air Langat 2 (LRAL2) yang merupakan sebahagian daripada Skim Bekalan Air dari Pahang ke Selangor. Projek yang sepatutnya siap pada tahun 2014 itu, dijangka akan dapat disiapkan pada bulan April 2017, setelah Kerajaan Negeri Selangor akhirnya bersetuju memberi kelulusan Kebenaran Merancang pada 26 Februari 2014 bagi membolehkan pembinaan LRAL2 dimulakan. Dengan siapnya projek LRAL2 kelak, kapasiti bekalan air di negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya akan dapat ditingkatkan dan dapat menjamin bekalan air sehingga tahun 2025. Kebergantungan terhadap sumber air mentah dari Sungai Selangor juga akan dapat dikurangkan dengan adanya sumber air mentah baharu dari negeri Pahang.

3. Sementara menunggu projek LRAL2 disiapkan pada tahun 2017, Kerajaan Persekutuan sedang melaksanakan projek-projek mitigasi bagi mengurangkan impak ketidakcukupan bekalan air kepada pengguna.

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY
[KAPAR]**

TARIKH : 10 JUN 2014 [SELASA]

SOALAN : 89

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan rasional pemberian geran penyelidikan (R&D) Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi (MOSTI) yang melibatkan dana awam sebanyak RM100 juta untuk sebuah projek komersial sedangkan tatacara biasa pemberian geran R&D di bawah MOSTI ialah ianya harus diberikan bagi projek bukan komersial dan di bawah RM2 juta.

JAWAPAN :

Tuan Yang di - Pertua,

Syarikat yang dimaksudkan telah mengemukakan surat bertarikh 15 November 2013 untuk memohon dana sebanyak RM100 juta daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dengan tujuan untuk membiayai sebahagian daripada kos projek "gasifier steam boiler plant". Pemakluman berhubung pembiayaan tersebut juga telah dilakukan di dalam sesi Persidangan Dewan Negara semasa sesi penggulungan atas Titah Ucapan Diraja yang lalu. Yang Berhormat bolehlah menyemak hansard bertarikh 29 April 2014.

Untuk makluman Yang Berhormat, setiap permohonan dana wajib melalui proses penilaian teknikal dan kewangan berdasarkan prosedur sedia ada. Dalam hubungan ini pemohon tidak pernah mengemukakan sebarang permohonan rasmi kepada Kementerian. Di samping itu, kuantum pembiayaan RM100 juta yang dimaksudkan juga melebihi kuantum maksimum yang ditetapkan untuk sesuatu projek iaitu RM3 juta.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : YB DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI
(SETIAWANGSA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 10.06.2014

YB Dato' Ahmad Fauzi Bin Zahari (Setiawangsa) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) akan mempengaruhi harga pasaran automobil. Ini kerana, pada masa ini harga automobil yang dipasarkan merangkumi 10% nilai Cukai Jualan. Dengan pelaksanaan GST, Cukai Jualan tersebut akan diganti dari 10% kepada 6% nilai GST. Adakah Kerajaan dapat memberi jaminan bahawa selepas pelaksanaan GST harga automobil di pasaran akan menurun.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Bagi kenderaan bermotor, harga pasarannya akan mengalami penurunan dalam lingkungan satu peratus sehingga tiga peratus. Walaupun begitu, perlu diingat sebenarnya GST bukanlah satu-satunya

faktor penentu kepada perubahan harga apabila GST dilaksanakan pada 1 April 2015. Antara faktor penentu lain adalah seperti berikut:-

- a. kadar cukai yang dikenakan di bawah cukai jualan dan cukai perkhidmatan sebelum ini;
- b. samada peniaga telah mengeluarkan elemen cukai jualan dan cukai perkhidmatan sebelum mengenakan GST;
- c. samada penjimatan yang dinikmati oleh peniaga dalam bentuk GST yang boleh dituntut sebagai kredit dan bayaran balik khas cukai jualan diterjemahkan dalam bentuk penurunan harga;
- d. samada peniaga mengekalkan margin keuntungan dan tidak membuat aktiviti pencatutan; dan
- e. faktor lain seperti permintaan dan penawaran , kawasan geografi, tekanan kos seperti kenaikan harga bahan api, bahan mentah dan upah.

Selain itu, pengeluaran model baru dengan pelbagai aksesori tambahan juga boleh mempengaruhi perubahan harga pasaran kenderaan.